

**Mukhriz: Jadi "anak bapak" bukan jaminan menang
Malaysian Insider
Sept 21 , 2013
OLEH MD IZWAN DAN MOHD FARHAN DARWIS**

Calon Naib Presiden Umno Datuk Mukhriz Mahathir menyifatkan label sebagai anak bekas perdana menteri bukan jaminan kemenangannya dalam pemilihan parti Oktober ini.

Menteri Besar Kedah itu berkata perjalanan karier politiknya dalam Umno bukan mudah dan berhadapan dengan pelbagai rintangan.

"Saya tidak pasti (pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad), saya tidak boleh kata apa-apa kerana saya tetap anak dia.

"Karier politik saya melalui turun naik. Kalau orang kata saya proksi, sudah pasti jalan saya mudah," kata beliau.

Mengenai peluangnya untuk memenangi jawatan Naib Presiden, Mukhriz menganggap ia adalah seimbang tetapi optimis mampu membuat kejutan untuk menumbangkan salah seorang penyandang.

"Secara teknikalnya, 50-50.

"Ada enam calon, saya rasa optimis tapi kena juga berkempen dan terangkan kepada perwakilan kenapa saya bertanding," tambah beliau. - 21 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/label-anak-mahathir-bukan-jaminan-kata-mukhriz>